

30 SEP 2001

Fadzil-Islam

PAS MAHU PM ISYTIHAR MALAYSIA NEGARA ISLAM DI PARLIMEN

ALOR SETAR, 30 Sept (Bernama) -- PAS tetap dengan pendiriannya mahukan Umno mengisytiharkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam di Parlimen, kata Presidennya Datuk Fadzil Noor hari ini.

Beliau berkata pengisytiharan di Parlimen amat penting bagi membolehkan semua anggota mengambil bahagian dalam sesi soal jawab atau perbahasan sebelum ia diterima pakai.

"Saya minta Dr Mahathir buat kenyataan rasmi dalam Parlimen bagi membolehkan ia melalui proses soal jawab, perbahasan atau debat," katanya sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam yang menegaskan Malaysia adalah negara Islam yang selari dengan ajaran Islam.

Fadzil yang dihubungi berkata hanya melalui Parlimen barulah perkara itu boleh diterima secara rasmi.

Ditanya adakah ini bermakna PAS masih tidak mengiktiraf Malaysia sebagai sebuah negara Islam, beliau berkata soal itu tidak timbul.

"Konsep negara Islam adalah luas dan tidak berpandukan kepada hudud semata-mata. Salah satu darinya ialah syariat Islam yang sepatutnya diletakkan sebagai sumber tertinggi dalam perundangan negara. Tetapi, ia tidak terdapat dalam perlembagaan negara," katanya.

Katanya sesuatu kerajaan itu tidak boleh mengatakan negara itu Islam dengan hanya dengan mendirikan masjid.

"Kalau kita lihat, Thailand pun dirikan masjid tetapi ia bukan negara Islam," katanya.

Fadzil berkata konsep negara Islam yang ideal mesti berpandukan kitab dan beliau mendakwa dalam situasi sekarang konsepnya menjadi pertikaian di kalangan ulama dan intelektual.

Dr Mahathir selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Nasional Gerakan ke-30 juga berkata rakyat bukan Islam mempunyai hak untuk menganggap Malaysia sebagai sebuah negara sekular tetapi parti kerajaan iaitu Umno menganggap Malaysia sudah memenuhi syarat yang cukup untuk mengaku sebagai negara Islam.

Fadzil mencabar Perdana Menteri mengisytiharkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam di Parlimen ketika berucap merasmikan sambutan 50 tahun PAS kebangsaan di Kota Bharu, Kelantan baru-baru ini.

-- BERNAMA

MAN JM RON